

Empangan Beris kini pada paras kritikal

» Bekalan air dikhuatiri hanya mampu bertahan 30 hari jika panas tanpa hujan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Alor Setar

Kerajaan negeri mengesahkan Empangan Beris, iaitu salah satu daripada keseluruhan empat empangan utama di Kedah berada pada paras kritikal, sekali gus dikhuatiri hanya mampu bertahan sehingga 30 hari sekiranya cuaca panas melampau tanpa hujan masih berterusan.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata sehingga kini Empangan Beris hanya mempunyai bekalan air sebanyak 38.99 peratus, dengan sumber air dibantu oleh Empangan Muda bagi kegunaan domestik dan industri.

Beliau berkata, selain empangan Beris yang kritikal, Empangan Muda pula diklasifikasikan sebagai berjaga-jaga apabila berada pada paras 93.73 meter (43 peratus) dan dijangka mampu bertahan sehingga 50 hari.

“Namun Kedah masih mempu-



Keadaan paras air di Empangan Beris di Sik yang kian menyusut ekoran fenomena El Nino.

[FOTO AMRAN HAMID/BH]

nyai dua lagi empangan iaitu Empangan Pedu yang berada pada paras kedudukan 91.53 meter dan mempunyai 68.9 peratus bekalan air serta Empangan Ahning pada paras 106.89 meter atau 75.4 peratus.

Cukup untuk domestik

“Secara keseluruhannya, bekalan air ini sememangnya mencukupi untuk kegunaan domestik, malah bagi pertanian juga masih cukup berikutan empangan di kawasan utara sudah membuka saluran

air ke sungai bagi kegunaan di selatan Kedah selain kawasan pertanian di Perlis,” katanya pada sidang media, di Kampung Batin, di sini semalam.

Terdahulu, Ahmad Bashah menyampaikan sumbangan Bantuan Rakyat Kedah (BARAKAH) bagi penerima di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bakar Bata dan bantuan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) kepada 100 keluarga di kawasan itu.

Pada majlis itu, Ahmad Bashah turut mengumumkan peruntu-

kan BARAKAH fasa kedua yang dijadual diberikan hujung Jun ini ketika Ramadan sempena kedatangan Aidilfitri.

Pada masa sama, Ahmad Bashah berkata, meskipun sumber air masih mencukupi, beliau meminta rakyat tidak membazir kerana dikhuatiri boleh menyebabkan Kedah kekurangan bekalan air.

Katanya, Kedah juga tidak terkecuali boleh mengalami catuan air jika bekalan disalurkan sekarang tidak digunakan secara

berjimat oleh pengguna.

“Mesti ada penjimatan kalau rasa kritikal kita akan catu juga sebab itu kita minta kerjasama orang ramai berjimat, sehingga kini kita hanya mampu berdoa supaya hujan dalam masa terdekat ekoran proses pembenihan awan sudah dilaksanakan sejak Selasa lalu.

JPS, MADA sentiasa pantau

“Sekarang memang tiada lagi ke arah catuan namun kita akan sentiasa mengawasi malah agensi seperti JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) dan MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda) juga mengadakan perbincangan secara harian untuk memantau keadaan ini,” katanya.

Mengenai bekalan air di Langkawi, Ahmad Bashah berkata, sehingga kini sumber air diperolehi pulau pelancongan itu adalah dari Perlis dan ia juga dalam keadaan berjaga-jaga.

Malah katanya, pihak pengurusan hotel di Langkawi diminta turut memainkan peranan dalam penjimatan air dengan mengawal penggunaan bahan itu di hotel kendalian mereka.

“Sehingga kini Perlis belum catu lagi air di Langkawi dan ia belum tahap kritikal lagi tapi kita turut membuat pengawasan di sana ekoran banyaknya kunjungan pelancong di situ, kita minta supaya pihak pengurusan hotel mengurangkan jumlah air dengan mengawal sistem mereka,” katanya.